



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20

24



# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI KAWASAN PARLIMEN

P.168 KOTA MARUDU

# **Ringkasan Eksekutif**

# **& Laporan Awal**

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

## **P.168 KOTA MARUDU**

---

**Penyunting Siri**  
Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**  
Nurrul Fazlina Osman  
Mc Jeanet Lempisik @ Marx



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.168 KOTA MARUDU (SABAH)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman	I
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III
 <b>BAHAGIAN A</b>	
Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-12
 <b>BAHAGIAN B</b>	
Laporan Pemetaan Isu	
1.0    Pengenalan	13
2.0    Pemetaan Isu	14-20
3.0    Pengutamaan Isu	21-31



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

**Nur Rahmah Othman**  
*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berdasarkan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30</b>	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri dan Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkuuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

**Nurul Syaza Mazelan**

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

**Siti Nur Ain Zakinuddin**

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan

yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepetimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarluaskan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parliman tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

<b>Bil.</b>	<b>Zon/Wilayah</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Bahagian</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Ahli Parlimen</b>	<b>Parti</b>	<b>Ketua Penyelidik APPGM-SDG</b>
<b>1.</b>	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
<b>2.</b>	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>3.</b>	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
<b>4.</b>	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiyah Rohim
<b>5.</b>	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
<b>6.</b>	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
<b>7.</b>	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>8.</b>	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

<b>9.</b>	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>10.</b>	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>11.</b>	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohamed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>12.</b>	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
<b>13.</b>	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khlir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
<b>14.</b>	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>15.</b>	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
<b>16.</b>	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiyah Rohim
<b>17.</b>	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

<b>18.</b>	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
<b>19.</b>	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
<b>20.</b>	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
<b>21.</b>	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
<b>22.</b>	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>23.</b>	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>24.</b>	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
<b>25.</b>	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
<b>26.</b>	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman

<b>27.</b>	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
<b>28.</b>	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
<b>29.</b>	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
<b>30.</b>	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

### PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>Status Individu</b>	<b>Kaum Minoriti</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Pendidikan</b>
<b>Pertanian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang / Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>
<b>Perikanan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>
<b>Perdagangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>
<b>Perindustrian</b>	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petugas/Penyelia PPDK</li> <li>2. Veteran ATM dan Polis</li> <li>3. Penghulu-Penghulu Mukim</li> <li>4. Pemimpin Tempatan</li> <li>5. Malim gunung</li> </ol>

## PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gejala sosial</li><li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li><li>• Kos sara hidup yang tinggi</li><li>• Keciciran Pendidikan</li><li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li><li>• Masalah banjir</li><li>• Pencemaran air dan udara</li></ul>
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li><li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li><li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li><li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li><li>• Penghijrahan ke bandar</li><li>• Kos sara hidup yang tinggi</li></ul>

Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjanaan pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li> <li>• Penyeludupan barang di sempadan</li> <li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Konflik pemilikan tanah</li> <li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li> <li>• Konflik manusia – hidupan liar</li> </ul>

# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN**  
**LAWATAN PEMETAAN ISU**  
**P.168 KOTA MARUDU (SABAH)**

4 - 8 Mei 2024 (Sabtu- Isnin)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Babangazo
2. Sesi Dialog bersama Pertubuhan Usahawan Muda Rungus Malaysia
3. Lawatan Tapak 1 - Tanaman Nenas bersama petani kecil-kecilan

### HARI 2

4. Sesi Dialog bersama Peniaga dan Penjaja & Lawatan Tapak 2
5. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Tambun
6. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Menggaris Laut
7. Lawatan Tapak 3 - Jambatan gantung, jambatan persimpangan aras rendah dan jambatan kayu ke kawasan kebun

### HARI 3

8. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Gana
9. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Tagibang
10. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sunsui & Lawatan Tapak 4

### HARI 4

11. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Samparita
12. Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sonsogon Suyad
13. Sesi Dialog bersama SK Magandai dan Rumah Penduduk Pedalaman & Lawatan Tapak 5

### HARI 5

14. Dialog antara Agensi

## PASUKAN PENYELIDIK



**Nurul Fazlina**  
(Ketua Penyelidik)



**Mc Jeanet Marx**



**Lailah Binti  
Chung Foh Sin**



**Prof Datuk Dr  
Denison Jayasooria**




**James Ryan Raj**

Dengan sokongan  
daripada Ahli Parlimen  
Kota Marudu,  
YB Datuk Wetrom  
Bin Bahanda



## 7 November 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat Awal bersama YB Datuk Wetrom Bahanda (Ahli Parlimen Kota Marudu) di Parlimen Malaysia. Mesyuarat ini telah diwakili oleh Pn. Nur Rahmah Binti Othman dan En. Muhammad Afham Bin Muhammad Afif dari APPGM-SDG.



## 8 Januari 2024 - Mesyuarat Profiling

Mesyuarat profiling bersama dengan Pegawai Khas Ahli Parlimen Kota Marudu, Encik Mohd Ari Nadzrah berkenaan dengan lawatan pemetaan isu bagi Parlimen Kota Marudu.



### 8 Februari 2024 - Mesyuarat Pra-Lawatan

APPGM-SDG wilayah Sabah telah membuat lawatan awal tapak ke Pejabat Daerah Kota Marudu bersama Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran) En. Ts Marshal Anthony untuk sesi pengenalan APPGM-SDG dan perbincangan untuk menjayakan lawatan tapak di kawasan Parlimen P168. Perbincangan ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari SMJ Corp, E-Kasih dan Pejabat Daerah.

Dalam perbincangan tersebut, terdapat isu kekurangan akses kepada pendidikan dan peluang pekerjaan dalam kalangan belia. Isu akses jalan perhubungan juga merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada isu kemiskinan tegar di sekitar parlimen Kota Marudu.



## 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Babangazo

Sesi FGD 1 ini melibatkan Komuniti Kampung Babangazo. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Bekalan air graviti yang kering semasa musim kemarau dan penduduk bergantung sepenuhnya dengan bekalan graviti ini, **(2)** Golongan wanita/suri rumah yang bergantung dengan aktiviti pelancongan dan kraftangan (cucuk manik dan membuat selandang), **(3)** Isu jambatan menuju ke Kampung Indarason masih lagi menggunakan jambatan kayu dan perlu dinaiktaraf kepada jambatan konkrit, **(4)** Pendapatan untuk menjual hasil kraftangan dan tarikan rumah kebudayaan menurun disebabkan kurangnya pelancong datang selepas musim Pandemik COVID-19 **(5)** Isu banjir di kawasan jambatan menuju ke Kg. Indarason Laut, **(6)** Isu dokumentasi dalam kalangan penduduk tempatan kerana penggunaan bidan kampung semasa melahirkan **(7)** Ruang “parking” kereta yang terhad untuk pelawat dan pelancong yang datang ke Rumah Panjang Bavanggazo, **(8)** ketiadaan jalan alternatif ke kawasan kebun getah dan kelapa sawit menyebabkan petani mengalami kesukaran dalam proses pengeluaran hasil pertanian, **(9)** Keadaan balai raya yang sudah uzur, **(10)** tiada dewan komuniti untuk sebarang anjuran program kemasyarakatan dan hanya menggunakan Rumah Panjang Bavaganzzo menyebabkan gangguan kepada aktiviti pelancongan, **(11)** Ketiadaan bekalan air terawat.



## 2: Sesi Dialog bersama Pertubuhan Usahawan Muda Rungus Malaysia

Sesi FGD 2 ini melibatkan Pertubuhan Usahawan Muda Rungus Malaysia. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Terdapat tanah yang terbiar dan tidak dapat diusahakan kerana faktor kekurangan modal (kewangan, peralatan, baja, mesin, anak benih), **(2)** Terdapat permintaan untuk tanaman herba yang tinggi namun kekurangan pembekal, **(3)** Mempunyai kesukaran untuk memohon geran disebabkan syarat kelayakan yang memerlukan lesen SSM, **(4)** Kekurangan modal pemula seperti modal kewangan bagi memulakan projek tanaman herba, **(5)** Bantuan grant dari agensi kerajaan mengambil masa yang lama sehingga ada yang mengambil masa 2 tahun, **(6)** Keadaan cuaca yang mempengaruhi hasil pertanian seperti tanaman sayuran dan herba.



## 3: Lawatan Tapak 1 - Tanaman Nenas bersama petani kecil- kecilan

Kumpulan penyelidik telah melawat dan menjalankan temu ramah bersama petani nenas kecil-kecilan yang mendapat bantuan tanaman nenas sebagai tanaman hiliran dari Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). Walau bagaimanapun, petani ini mengalami kekangan untuk mengeluarkan hasil tanaman nenas kerana faktor jalan raya yang perlu melalui sungai dan sukar untuk dilalui. Selain itu, keadaan cuaca kemarau menyebabkan tanah menjadi kering dan kurang subur, mengurangkan kapasiti tanah untuk menyokong pertumbuhan tanaman nanas. Cuaca kemarau juga menyebabkan sumber air kering dan berkurang dan seterusnya menyebabkan pertumbuhan nenas terganggu, menghasilkan buah yang lebih kecil dan kurang berkualiti.



#### 4: Sesi Dialog bersama Peniaga dan Penjaja & Lawatan Tapak 2

Sesi FGD 3 ini melibatkan penjaja dan peniaga kecil-kecilan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kadar sewa tapak yang tidak tetap dan tinggi (RM5-RM10 untuk 1 tapak), **(2)** Tapak untuk peniaga dan penjaja yang tidak kondusif di mana tidak mempunyai meja untuk meletakkan jualan dan kawasan peniaga yang tidak mempunyai atap, **(3)** Ketiadaan tapak khas untuk tamu mingguan di mana kawasan tamu yang disediakan adalah tidak tetap dan peniaga dan penjaja terpaksa berpindah randah **(4)** perebutan kawasan menjaja/ menjual.



#### 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Tambun

Sesi FGD 4 ini melibatkan komuniti nelayan di Kampung Tambun. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kebergantungan yang tinggi terhadap aktiviti perikanan dan tidak mempunyai produk hiliran, **(2)** Pendapatan nelayan berkurang kerana pertambahan nelayan yang menyebabkan persaingan dan keadaan sungai yang semakin cetepek setiap tahun, **(3)** Kesukaran untuk mendapatkan lesen perikanan kerana proses pengurusan yang lambat dan rumit, **(4)** Ketiadaan jeti untuk kemudahan nelayan, **(5)** Isu banjir yang menjelaskan perhubungan untuk ke sekolah dan mendapatkan akses perkhidmatan kesihatan, **(6)** Jambatan gantung yang usang dan tidak selamat untuk dilalui di mana jambatan ini merupakan laluan utama pelajar ke sekolah yang terdekat, **(7)** Keciciran permohonanan dalam sistem E-Kasih di mana terdapat penduduk kampung yang telah memohon beberapa kali namun tidak mendapat kelulusan.



## 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Menggaris Laut

Sesi FGD 5 ini melibatkan Komuniti Kampung Menggaris. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Gerai-gerai penduduk kampung yang terletak di tepi jalan raya utama menimbulkan kerisauan keselamatan, **(2)** Tidak mendapat bekalan air dan hanya menggunakan air graviti yang semakin kering kerana kemarau, **(3)** Kejadian tanah runtuh dan pergerakan tanah menyebabkan asas rumah menjadi tidak stabil dan mengakibatkan keruntuhan struktur rumah, **(4)** Pencemaran udara (habuk) disebabkan pembinaan jalan raya, **(5)** Berlaku kecurian di gerai-gerai dan kecurian hasil getah sehingga terdapat penoreh yang berhenti menoreh, **(6)** Gangguan monyet yang merosakkan tanaman jagung dan menumpahkan susu getah yang ditoreh oleh penoreh getah, **(7)** Jambatan kayu yang usang dan berisiko tinggi untuk dilalui dimana jambatan ini merupakan laluan utama para pelajar ke sekolah rendah dan tadika, **(8)** Ketiadaan dewan untuk menjalankan program kemasyarakatan di Kg Menggaris 2, **(9)** Pendapatan penduduk yang rendah dan termasuk dalam kategori miskin tegar (dibawah RM500 sebulan).



## 7: Lawatan Tapak 3 - Jambatan gantung, jambatan persimpangan aras rendah dan jambatan kayu ke kawasan kebun



## 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Gana

Sesi FGD 6 ini melibatkan Komuniti Kampung Gana. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kebanyakkan suri rumah tidak mempunyai kemahiran untuk menambah pendapatan sampingan, **(2)** Keciciran pelajar yang disebabkan jarak sekolah yang jauh dari kampung (45km), **(3)** Bekalan air graviti yang kering disebabkan oleh musim kemarau dan tidak menampung keperluan penduduk, **(4)** Isu dokumentasi dimana terdapat ibu bapa yang tidak mempunyai pengetahuan untuk mengurus dokumen, **(5)** Aktiviti pertanian (menanam padi) yang terbantut disebabkan oleh kemarau, **(6)** Isu permohonan tanah yang terletak di kawasan hutan simpan, **(7)** Isu perkahwinan awal (lepasan SPM), **(8)** Perumahan yang disediakan oleh Perhutanan semakin usang dan tidak selamat untuk didiami.



## 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Tagibang

Sesi FGD 7 ini melibatkan Komuniti Kampung Tagibang. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Terdapat bangunan yang disediakan oleh penduduk kampung untuk klinik kesihatan tetapi belum menerima staf atau doktor, **(2)** Tadahan air yang kering disebabkan kemarau dan tidak menampung keperluan penduduk dan sungai yang tercemar oleh sisa kumbahan asrama/sekolah, **(3)** Tiada bekalan air bersih terawat, **(4)** Jambatan (low level crossing) timbul tenggelam menyebabkan akses perhubungan yang selalu terputus, **(5)** Jambatan gantung yang memerlukan penambahaikan, **(6)** Tidak mempunyai rangkaian telekomunikasi.



## 10: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sunsui & Lawatan Tapak 4

Sesi FGD 8 ini melibatkan Komuniti Kampung Sunsui. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Keadaan jalan raya yang tidak bertar dan berlubang, **(2)** jalan kebun yang tidak dapat dilalui untuk mengeluarkan hasil tani, **(3)** Keadaan jambatan gantung yang uzur, usang dan selalu rosak disebabkan banjir, **(4)** Isu dokumentasi dimana terdapat ibu bapa yang tidak mendaftarkan kelahiran anak, **(5)** Tiada sistem pembuangan sampah yang sistematik sehingga menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit malaria dan denggi, **(6)** Isu kemiskinan haid (stok tuala wanita yang tidak mencukupi dan ketidakmampuan untuk membeli tuala wanita), **(7)** Ketiadaan jambatan laluan kereta yang menghubungkan kampung Sunsui ke kampung Pelipikan, **(8)** Kekurangan lampu jalan dan ini merisaukan penduduk kampung apabila melalui jalanraya besar untuk balik ke rumah, **(9)** Ada beberapa warga emas yang layak mendapat bantuan tetapi belum menerima, **(10)** Terdapat tiga kawasan kampung yang menggunakan satu empangan (water catchment) yang sama dan ini tidak dapat menampung keperluan penduduk.



## 11: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Samparita

Sesi FGD 9 ini melibatkan Komuniti Kampung Samparita. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Bekalan elektrik yang tidak stabil menyebabkan banyak barang elektrik yang rosak, **(2)** Ketidaaan bekalan air bersih terawat di mana hanya menggunakan air graviti sebagai sumber air, **(3)** Rangkaian telekomunikasi internet (hanya Celcom) yang tidak stabil dan mengambil masa 1-2 minggu untuk diperbaiki, **(4)** Golongan suri rumah/ibu tunggal yang tidak mempunyai aktiviti ekonomi bagi menambah pendapatan sampingan, **(5)** Akses perhubungan seperti jambatan timbul tenggelam (Sungai Minian) yang sering terputus sehingga terdapat kes ibu mengandung yang melahirkan anak semasa di dalam perjalanan, **(6)** Kesukaran membawa hasil pertanian untuk dijual di pekan atau tamu, **(7)** kawasan pertanian yang dipohon untuk geran dikatakan termasuk dalam kawasan Asian Forestry Company (AFC), **(8)** pencemaran udara iaitu habuk dari jalan raya yang sedang di naik taraf, **(9)** Penilai pampasan tanaman dan rumah penduduk yang terlibat dengan projek naik taraf jalan utama belum dinilai sedangkan projek naik taraf jalan sedang dilaksanakan, **(10)** Ramai penduduk di dalam kategori miskin tegar dengan purata pendapatan sebagai penoreh getah di bawah RM500, **(11)** kos pengangkutan penumpang dan barang-barang yang tinggi dan membebankan **(12)** sungai yang kabut dan tercemar disebabkan oleh aktiviti pembalakan dan kuari di kawasan sungai yang terdekat.



## 12: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sonsogon Suyad

Sesi FGD 10 ini melibatkan Komuniti Kampung Sonsogon Suyad. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kos pengangkutan penumpang yang sangat tinggi dan membebankan (RM500-RM1000) bagi perjalanan sehala dan kadar sewa sebuah kereta bergantung kepada keadaan jalan raya dan cuaca, **(2)** Tiada rangkaian telekomunikasi, **(3)** Tiada bekalan air terawat, **(4)** Tiada bekalan elektrik, **(5)** Keadaan jalan raya yang masih tidak berturap dan dalam proses dinaik taraf, **(6)** Masalah dokumentasi seperti sijil kelahiran disebabkan faktor kurang kemampuan ke JPN dengan kadar tambang yang tinggi, **(7)** Kebanyakan penduduk adalah miskin tegar dengan pendapatan kurang daripada RM500 dan majoritinya adalah penoreh getah. Hanya mampu makan nasi dua kali dalam seminggu, selebihnya hanya makan ubi kayu, ubi manis, **(8)** Keciciran pelajar sekolah rendah dan menengah masih berlaku disebabkan okeh faktor kemiskinan, jarak sekolah yang jauh, **(9)** tiada perkhidmatan kesihatan yang lengkap dan hanya bergantung kepada perkhidmatan kesihatan bergerak yang datang sekali dalam sebulan, **(10)** Keadaan rumah yang daif dan usang.



### 13: Sesi Dialog bersama Guru SK Magandai dan Rumah Penduduk Pedalaman & Lawatan Tapak 5

Sesi temubual bersama guru-guru di SK Magandai. Antara isu yang diutarakan adalah **(1)** Isu keciciran pelajar yang tinggi disebabkan faktor kemiskinan dan jarak yang jauh dari sekolah, **(2)** Isu asrama yang tidak kondusif iaitu kurangnya kemudahan asas (katil, almari dan ruang belajar), **(3)** Motivasi para pelajar yang rendah.



### 14: Dialog antara Agensi

Wakil daripada APPGM-SDG Pusat dan kumpulan penyelidik Sabah yang iaitu Prof. Datuk Dr. Denison dan James Ryan Raj, Fazlina, Jeanet dan Lailah (Resource Person dari IDS) telah menghadiri Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan bagi Pemetaan Isu Parliment Kota Marudu di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Kota Marudu pada 08 Mei 2024.

Sesi ini dipengerusikan oleh Penolong Pegawai Daerah, En. Ts Marshal Anthony. Sebanyak 35 wakil Jabatan yang hadir termasuk 2 wakil dari Pejabat Pusat Khidmat Parliment Kota Marudu iaitu En. Mohd Ari Nadzrah dan En. Stephen Goh.

# **BAHAGIAN B**

---

**LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.168 KOTA MARUDU (SABAH)

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Kota Marudu ini diadakan dengan usahasama daripada YB Datuk Wetrom Bin Bahanda dari parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM).</i></p>		 <p><b>YB Datuk Wetrom Bin Bahanda</b></p>																								
<b>Parlimen</b>	P.168																									
<b>Kawasan</b>	Kota Marudu																									
<b>Negeri</b>	Sabah																									
<b>Jumlah penduduk</b>	71,100 ribu orang	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>69,285</td> <td>97.4</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>1,422</td> <td>2.0</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>71</td> <td>0.1</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>356</td> <td>0.5</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td><td><b>71,100</b></td><td><b>100.00</b></td></tr> </tbody> </table>	BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	69,285	97.4	2.	Cina	1,422	2.0	3.	India	71	0.1	4.	Lain_lain	356	0.5	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>71,100</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	69,285	97.4																							
2.	Cina	1,422	2.0																							
3.	India	71	0.1																							
4.	Lain_lain	356	0.5																							
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>71,100</b>	<b>100.00</b>																							
<p><b>Sumber:</b> Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Kota Marudu, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</p>																										
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertanian – Tanaman kelapa sawit, padi, getah, jagung manis, buah-buahan</li> <li>• Perikanan – Perikanan pesisir, laut dalam dan akuakultur</li> <li>• Pelancongan – Ekopelancongan dan geo pelancongan</li> </ul>																									
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Prof Datuk Denison Jayasooria: Ketua Sekretariat APPGM-SDG</li> <li>2. Nurrul Fazlina Binti Osman: Ketua Penyelidik &amp; Koordinator Wilayah Sabah</li> <li>3. James Ryan Raj: Direktor HOS</li> <li>4. Mc Jeanet Lempisik @ Marx: Pegawai Penyelidik Sabah</li> <li>5. Lailah Binti Chung Foh Sin: Resource Person (IDS)</li> </ol>																									

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 12 FGD dan 2 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Kota Marudu dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari Pejabat Daerah Kota Marudu.

TARIKH	PERKARA
<b>04 Mei 2024</b> , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti Etnik Murut di Rumah Panjang Babanggazo</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Petani dan Usahawan di Pejabat Pertubuhan Momogun Rungus Malaysia</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Petani Nenas di Kg Bodu</li></ul>
<b>05 Mei 2024</b> , Ahad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lawatan Tapak dan Dialog Bersama Penjaja dan Peniaga di Tamu Kota Marudu</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Nelayan di Kg Tambun</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Wanita di Balai Raya Kg Menggaris</li></ul>
<b>06 Mei 2024</b> , Isnin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti di Kg Gana</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Etnik Dusun Tinagas di Balai Raya Kg. Tagibang</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Etnik Dusun Liwan dan Dusun Tinagas di Balai Raya Kg Sunsui</li></ul>
<b>07 Mei 2024</b> , Selasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti di Dewan Kg Samparita</li><li>• Dialog Bersama Komuniti di Balai Raya Kg Sonsogon Suyad</li></ul>
<b>08 Mei 2024</b> , Rabu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog bersama agensi kerajaan</li></ul>

## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<b>ISU SOSIAL</b>			
Keciciran Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sekolah</li> <li>• Kanak-kanak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarak sekolah yang jauh menyebabkan keciciran pelajar.</li> <li>• Ketidakmampuan keluarga dalam menanggung kos pendidikan anak-anak.</li> <li>• Tanggapan sesetengah ibu bapa sekiranya menyambung pelajaran adalah tidak setimpal sekiranya tidak mendapat pekerjaan yang baik.</li> <li>• Ketiadaan dokumen lengkap untuk mendaftar sekolah.</li> <li>• Keadaan kemudahan asrama yang tidak kondusif.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pendaftaran Negeri:</b></p> <p>Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) daerah Kota Marudu menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri penduduk, terutama bagi mereka yang tinggal jauh di kawasan pedalaman. Kesukaran ini diperburuk olehkekangan hidup, masalah sikap, dan kesukaran dalam perhubungan serta penyediaan dokumen. Proses permohonan juga terjejas kerana ketiadaan Mahkamah Tinggi untuk pengesahan sijil lahir di daerah ini. Selain itu, pejabat JPN mengalami kekurangan kemudahan seperti kerusi yang rosak, keadaan pejabat yang panas kerana penyaman udara tidak mencukupi, dan tandas yang tersumbat. Kekurangan pegawai juga menjadi isu, dengan hanya 10 kakitangan yang terpaksa</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>menguruskan tujuh kaunter, tetapi hanya lima yang dapat digunakan.</p> <p><i>Nota ditulis oleh Pegawai JPN pada 8/5/2024 dalam IAD</i></p>
Isu jambatan perhubungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar sekolah</li> <li>• Penduduk di Kawasan pendalaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan jambatan gantung yang uzur, usang, dan tidak selamat untuk digunakan.</li> <li>• Jambatan rendah atau <i>low level crossing</i> yang sering ditenggelami banjir.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Daerah:</b> Terdapat kampung yang tidak mempunyai <i>profiling</i> kampung yang memerlukan jambatan.</p>
Ketiadaan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk luar bandar</li> <li>• Penduduk di Kawasan pendalaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat kampung yang belum menikmati sumber air terawat dan bergantung kepada sumber air lain seperti tадahan hujan, air perigi, air sungai dan air graviti.</li> <li>• Kapasiti takungan air khususnya air graviti tidak menampung keperluan penduduk yang banyak. Takungan air ini juga mengering semasa musim kemarau.</li> <li>• Air sungai yang tercemar kerana pembuangan kumbahan asrama sekolah ke dalam sungai.</li> </ul>	<p><b>Jabatan air Kota Marudu:</b> Kekurangan kakitangan di jabatan Kapasiti tangki air yang tidak mencukupi. Kebocoran air paip jabatan. Kecurian air terawat oleh pengguna yang tidak berdaftar. Sebilangan kakitangan di jabatan adalah berstatus (PSH) pekerja sambilan harian.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<i>Nota ditulis oleh wakil pegawai dari Jabatan Air pada 8/5/2024 pada program interaksi antara agensi (IAD)</i>
Kekurangan infrastruktur dan kemudahan awam	Penduduk luar bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Keadaan jalan raya yang tidak berturap dan berlubang.</li> <li>● Keadaan jalan pertanian yang tidak baik menyebabkan kesukaran untuk mengeluarkan hasil pertanian.</li> <li>● Ketiadaan klinik kesihatan yang terdekat.</li> <li>● Terdapat kampung yang belum menerima bekalan elektrik dan bergantung dengan kemudahan genset dan solar. Bagi kampung yang mendapat bekalan elektrik pula mengalami gangguan bekalan elektrik yang kerap.</li> <li>● Jaringan telekomunikasi yang lemah dan tidak menyeluruh.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Daerah:</b> Banyak perancangan pembangunan yang ingin dilaksanakan namun bantuan yang terhad daripada Persekutuan membuatkan pembangunan tergendala.</p> <p><b>Jabatan Kerja Raya:</b> Penyelenggaraan jalan raya dilakukan secara berkala berpandukan peruntukan yang disalurkan. Cadangan menaiktaraf jalan ke jalan berturap telah dimasukkan dalam RMK-12 di bawah program jalan luar bandar</p> <p><i>Nota ditulis oleh wakil pegawai dari JKR pada 8/5/2024 pada program interaksi antara agensi (IAD)</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<b>ISU EKONOMI</b>			
Kekurangan dana untuk menjalankan program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan</li> <li>• Usahawan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan-persatuan di daerah Kota Marudu mengalami kesukaran untuk mendapatkan dana bagi menjalankan aktiviti persatuan.</li> </ul>	<i>Tiada maklumbalas daripada agensi lain disebabkankekangan masa.</i>
Pendapatan nelayan yang tidak stabil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persaingan sengit dari nelayan lain termasuk nelayan luar menyebabkan hasil tangkapan ikan berkurang</li> <li>• Jumlah nelayan yang semakin bertambah dan aktiviti penangkapan ikan yang berterusan sepanjang hari dan malam menambah tekanan terhadap sumber laut.</li> <li>• Kawasan laut yang cetek membatasi aktiviti nelayan dan kehadiran pihak maritim.</li> <li>• Nelayan tempatan tidak mempunyai peralatan dan bot besar untuk menangkap ikan di laut dalam.</li> </ul>	<i>Tiada maklumbalas daripada agensi lain disebabkankekangan masa.</i>
Pendapatan penoreh getah yang tidak stabil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani</li> <li>• Penoreh getah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penoreh getah memperoleh pendapatan bulanan antara RM300 hingga RM500.</li> </ul>	<p><b>Lembaga Industri Getah Sabah:</b> Harga getah di Sabah ditetapkan pada RM3.36 sekilogram, yang terdiri daripada harga lantai RM3.00 dan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Hasil susu getah yang diperoleh berbeza-beza mengikut jenis pokok menyebabkan pendapatan penoreh tidak menentu.</li> <li>Harga komoditi getah yang tidak sama dengan harga di Semenanjung.</li> </ul>	insentif tambahan dari kerajaan negeri dan LIGS sebanyak 36 sen. Harga lantai ini bertujuan untuk menstabilkan pendapatan penoreh getah dan tidak akan turun, hanya boleh naik. Di Sabah, polisi "Satu Sabah, Satu Harga" digunakan, di mana harga getah adalah sama di semua unit pembelian di Sabah.
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>			
Banjir	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua penduduk di Kota Marudu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem perparitan yang tidak diselenggara menyebabkan parit selalu tersumbat dan impaknya ialah banjir kilat.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Daerah:</b></p> <p>Banjir boleh berlaku selepas tiga jam hujan lebat kerana keadaan geografi yang curam di sekitar kawasan yang terletak di belakang Gunung Kinabalu. Beberapa inisiatif seperti penanaman semula hutan dan penanaman spesies bambu yang dapat menyerap karbon dengan cepat sedang dijalankan namun dana yang diperolehi masih tidak mencukupi.</p>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
Ketiadaan sistem pengurusan sampah yang sistematik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk di luar bandar</li> <li>• Penduduk di kawasan pendalaman</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan sistem pelupusan sampah yang sistematik terutama di kawasan kampung menyebabkan kaedah pelupusan sampah oleh penduduk ialah membakar dan membuang di tempat yang jauh iaitu di Pekan Kota Marudu.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan diberikan oleh agensi berkenaan dan agensi berkaitan dan tidak dapat hadir semasa sesi dialog.</i>

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: ISU PENDIDIKAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesan ketidakmampuan kewangan terhadap pendidikan anak-anak</li> <li>2. Ketidakhadiran pelajar ke sekolah</li> <li>3. Kemudahan asrama yang tidak kondusif dan kekurangan rumah penginapan guru</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kajian mendalam mengenai tahap pendidikan pelajar di kawasan pedalaman untuk memahami cabaran dan keperluan mereka. Penilaian dan laporan boleh dijadikan asas untuk perancangan program pendidikan yang lebih berkesan.</li> <li>2. Sesi motivasi berkala untuk pelajar bagi meningkatkan semangat dan fokus dalam pelajaran.</li> <li>3. Meningkatkan kemudahan dan persekitaran asrama untuk memastikan pelajar mempunyai ruang belajar dan kehidupan yang kondusif.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak, belia, pelajar di pedalaman</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Bavanggazo</li> <li>• Kg Tambun</li> <li>• Kg Gana</li> <li>• Kg Sunsui</li> <li>• Kg Sonsogon Suyad</li> <li>• Kg Sonsogon Magandai</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
SDG 1: Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional</p>

	<b>Sasaran 1.4:</b> Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	<p><b>Sasaran 4.1:</b> Menjelang 2030, pastikan semua perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan</p> <p><b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti</p> <p><b>Sasaran 4.a:</b> Membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang sesuai bagi kanak-kanak, kelainan upaya dan jantina serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, tidak ganas, inklusif dan berkesan kepada semua.</p> <p><b>Sasaran 4.c:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bekalan guru yang berkelayakan, termasuk melalui kerjasama antarabangsa bagi pelatihan guru di negara membangun, terutamanya negara kurang maju dan negara pulau kecil membangun</p>
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua</p> <p><b>Sasaran 9.3:</b> Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepadan mereka ke dalam rantaian nilai dan pasaran</p>

SDG 10: Kurangkan Ketaksamaan	<p><b>Sasaran 10.1:</b> Menjelang 2030, secara progresif mencapai dan mengekalkan pertumbuhan pendapatan 40% terbahawah penduduk (B40) pada kadar yang lebih tinggi daripada purata negara</p> <p><b>Sasaran 10.3:</b> Memastikan peluang yang sama dan mengurangkan ketaksamaan hasil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan diskriminasi dan menggalakkan perundangan, dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini</p>
-------------------------------	--

## PENGUTAMAAN ISU 2: JAMBATAN PERHUBUNGAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Keadaan jambatan gantung yang usang dan tidak selamat</li> <li>Jambatan dasar sungai yang tenggelam semasa banjir</li> <li>Jambatan kayu yang tidak selamat dan mudah rosak</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan penyelenggaraan terhadap jambatan-jambatan kayu yang uzur</li> <li>Mengganti jambatan kayu yang tidak selamat dengan jambatan konkrit atau logam yang lebih tahan lama.</li> <li>Membina jambatan gantung baru menggunakan bahan yang tahan lama seperti kabel besi dan lantai konkrit untuk menambah keselamatan dan ketahanan</li> <li>Membina jambatan tinggi dengan asas konkrit yang kuat untuk menahan aliran air sungai yang deras semasa musim banjir.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	Penduduk kampung, pelajar sekolah dan petani
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kg Bavanggazo</li> <li>Kg Tambun</li> <li>Kg Menggaris Laut</li> <li>Kg Tagibang</li> <li>Kg Sunsui</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Samparita</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
SDG 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	<p><b>Sasaran 3.1:</b> Menjelang 2030, kurangkan nisbah kematian bersalin global kepada kurang daripada 70 per 100,000 kelahiran hidup</p> <p><b>Sasaran 3.c:</b> Meningkatkan pembiayaan kesihatan dengan ketara dan pengambilan, pembangunan, latihan dan pengekalan tenaga kerja kesihatan di negara membangun, terutamanya di negara kurang maju dan negara membangun pulau kecil</p>
SDG 9: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua</p> <p><b>Sasaran 9.a:</b> Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun</p>
SDG 11: Petempatan dan Masyarakat Mampan	<p><b>Sasaran 11.2:</b> Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua</p> <p><b>Sasaran 11.3:</b> Menjelang 2030, tingkatkan pembandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.</p>

	<p><b>Sasaran 11.a:</b> Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar dengan mengukuhkan perancangan pembangunan negara dan kawasan</p> <p><b>Sasaran 11.b:</b> Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara, bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai dan melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah rangkuman, kecekapan sumber, mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim, daya tahan bencana, dan membangun serta melaksanakan, selaras dengan Rangka Kerja Sendai Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030, pengurusan risiko bencana holistik di semua peringkat</p>
--	--

### PENGUTAMAAN ISU 3: ISU BEKALAN AIR DAN BEKALAN AIR BERSIH TERAWAT

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebergantungan terhadap bekalan air dari sumber semula jadi</li> <li>2. Cabaran infrastruktur dan kekurangan sumber air</li> <li>3. Pencemaran sumber air</li> <li>4. Kekurangan air untuk aktiviti pertanian</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembangunan sistem air graviti untuk mengalirkan air dari kawasan tinggi ke kawasan rendah</li> <li>2. Memperkuuh sistem pengumpulan air hujan untuk mengurangkan beban pada sumber semula jadi</li> <li>3. Mewujudkan empangan kecil dan takungan untuk menyimpan air untuk kegunaan masa depan</li> <li>4. Memperbaiki paip dan saluran air untuk mengurangkan kehilangan dan memastikan bekalan yang stabil</li> <li>5. Menggunakan teknologi untuk mengubah air laut atau payau kepada air bersih</li> <li>6. melindungi dan memulihkan tanah lembap yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air</li> </ol>

<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk kampung di kawasan luar bandar dan pendalaman</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Bavanggazo</li> <li>• Kg Tambun</li> <li>• Kg Gana</li> <li>• Kg Tagibang</li> <li>• Kg Samparita</li> <li>• Kg Sonsogon Suyad</li> <li>• Kg Sonsosogon Magandai</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik	<p><b>Sasaran 3.3:</b> Menjelang 2030, tamatkan wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika terabai serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit lain</p> <p><b>Sasaran 3.8:</b> Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan penting yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua.</p>
SDG 4: Air Bersih dan Sanitasi	<p><b>Sasaran 6.1:</b> Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua.</p> <p><b>Sasaran 6.2:</b> Menjelang 2030, capai akses kepada sanitasi dan kebersihan yang mencukupi dan saksama untuk semua dan menamatkan pembuangan air secara terbuka, memberi perhatian khusus kepada keperluan wanita dan kanak-kanak perempuan serta mereka yang berada dalam situasi yang terdedah</p> <p><b>Sasaran 6.3:</b> Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan</p>

	<p>kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global</p> <p><b>Sasaran 6.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air</p> <p><b>Sasaran 6.6:</b> Menjelang 2020, lindungi dan pulihkan ekosistem berkaitan air, termasuk di kawasan gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik</p> <p><b>Sasaran 6.a:</b> Menjelang 2030, meluaskan kerjasama antarabangsa dan sokongan pembinaan kapasiti kepada negara membangun dalam aktiviti dan program berkaitan air dan sanitasi, termasuk penuaian air, penyahgaraman, kecekapan air, rawatan air sisa, kitar semula dan teknologi guna semula</p> <p><b>Sasaran 6.b:</b> Menyokong dan mengukuhkan penyertaan masyarakat setempat dalam menambah baik pengurusan air dan sanitasi.</p>
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	<p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua</p> <p><b>Sasaran 9.4:</b> Menjelang 2030, menaik taraf industri infrastruktur agar mampan, dengan peningkatan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang bersih dan mesra alam, dengan semua negara mengambil tindakan mengikut keupayaan masing-masing</p> <p><b>Sasaran 9.a:</b> Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara</p>

	membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun
--	---

#### PENGUTAMAAN ISU 4: KEKURANGAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR ASAS DAN UTILITI

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keadaan jaringan jalan raya yang tidak baik</li> <li>2. Kesukaran mengakses kebun dan tanah pertanian</li> <li>3. Ketiadaan dan gangguan bekalan elektrik</li> <li>4. Tiada perkhidmatan rangkaian komunikasi dan talian yang tidak stabil</li> <li>5. Kekurangan akses kepada kemudahan Kesihatan</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Meningkatkan kualiti jaringan jalan raya dan memudahkan akses kepada kawasan pertanian.</li> <li>2. Memasang panel solar atau mini hidro untuk menyediakan bekalan elektrik yang berterusan bagi komuniti luar bandar.</li> <li>3. Melatih penduduk tempatan dalam penggunaan dan penyelenggaraan sistem tenaga alternatif.</li> <li>4. Bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memasang menara komunikasi di kawasan yang tiada atau mempunyai rangkaian yang tidak stabil.</li> <li>5. Membangunkan hotspot Wi-Fi percuma di pusat komuniti bagi memastikan akses kepada internet untuk pendidikan dan perniagaan.</li> <li>6. Melatih komuniti tempatan dalam pertolongan cemas dan penjagaan kesihatan asas untuk menangani kecemasan sementara menunggu bantuan kesihatan tiba.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk di Kawasan luar bandar dan pendalamian</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Bavanggazo</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kg Tambun</li> <li>• Kg Gana</li> <li>• Kg Tagibang</li> <li>• Kg Samparita</li> <li>• Kg Sonsogon Suyad</li> <li>• Kg Sonsosogon Magandai</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
SDG 1: Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, menghapuskan kemiskinan tegar bagi semua orang di mana-mana sahaja, pada masa ini diukur sebagai orang yang hidup dengan kurang daripada AS\$1.90 sehari.</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional.</p> <p><b>Sasaran 1.4:</b> Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta tanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro</p> <p><b>Sasaran 1.a:</b> Memastikan penggembangan sumber yang ketara daripada pelbagai sumber, termasuk melalui kerjasama pembangunan yang dipertingkatkan untuk menyediakan cara yang mencukupi dan boleh diramal untuk negara membangun, khususnya negara kurang maju</p>
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan	<p><b>Sasaran 3.1:</b> Menjelang 2030, kurangkan nisbah kematian bersalin global kepada kurang daripada 70 per 100,000 kelahiran hidup.</p> <p><b>Sasaran 3.3:</b> Menjelang 2030, tamatkan wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika terabai serta</p>

	<p>memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit lain</p> <p><b>Sasaran 3.5:</b> Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya</p> <p><b>Sasaran 3.6:</b> Menjelang 2020, kurangkan separuh (50% kurang) bilangan kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya</p>
SDG 7: Tenaga Berpatutan dan Bersih	<p><b>Sasaran 7.1:</b> Menjelang 2030, pastikan akses universal kepada perkhidmatan tenaga yang berpatutan, boleh dipercayai dan moden</p> <p><b>Sasaran 7.2:</b> Menjelang 2030, meningkatkan secara ketara, bahagian tenaga boleh diperbaharui dalam campuran tenaga global</p> <p><b>Sasaran 7.3:</b> Menjelang 2030, menggandakan kadar peningkatan global berkenaan kecekapan tenaga</p> <p><b>Sasaran 7.b:</b> Menjelang 2030, meluaskan infrastruktur dan menaik taraf teknologi untuk membekalkan perkhidmatan tenaga moden dan mampan untuk semua di negara membangun, khususnya negara kurang maju, negara membangun pulau kecil, dan negara membangun dikelilingi daratan, selaras dengan program sokongan masing-masing</p>
SDG 9: Industri, Inovasi dan Prasarana	<p><b>Sasaran 9.1:</b> Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua</p> <p><b>Sasaran 9.a:</b> Memudahkan pembangunan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan di negara membangun melalui sokongan kewangan, teknologi dan teknikal yang dipertingkatkan kepada negara Afrika, negara kurang maju, negara membangun dikelilingi daratan dan negara pulau kecil membangun</p>

	<b>Sasaran 9.c:</b> Meningkatkan akses kepada teknologi maklumat dan komunikasi dengan ketara dan berusaha untuk menyediakan akses universal dan berpatutan terhadap Internet di negara-negara kurang maju menjelang 2020.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	<p><b>Sasaran 11.2:</b> Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua</p> <p><b>Sasaran 11.5:</b> Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah</p> <p><b>Sasaran 11.a:</b> Menyokong hubungan ekonomi, sosial dan alam sekitar yang positif antara kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar dengan mengukuhkan perancangan pembangunan negara dan kawasan</p> <p><b>Sasaran 11.b:</b> Menjelang 2020, meningkatkan dengan ketara, bilangan bandar dan penempatan manusia yang menerima pakai dan melaksanakan dasar dan rancangan bersepadu ke arah rangkuman, kecekapan sumber, mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim, daya tahan bencana, dan membangun serta melaksanakan, selaras dengan Rangka Kerja Sendai Pengurangan Risiko Bencana 2015–2030, pengurusan risiko bencana holistik di semua peringkat.</p>



## APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari**

- 📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor
- ✉️ secretariat@appgm-sdg.com
- 🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>
- 🌐 [https://appgm -sdg.com/](https://appgm-sdg.com/)